

Peristiwa pahit yang dilalui menjadi perangsang bagi dua belia memulakan sesuatu yang mampu merubah kehidupan pekerja asing di sini yang kurang bermaslah baik. Sinaran yang mereka bawa telah menyentuh hati pekerja asing yang terlibat dalam inisiatif 'Bumbong Sunsets'.
Ikuti laporan FARAH REZAL (rfarah@sph.com.sg)

Pengalaman pahit mendorong kerja bakti

RAKAN seperjuangan Encik Muhammad Shahril Hassan dan Encik Suraj Upadhiah, kedua berumur 28 tahun, telah mengalami peristiwa gelap dalam kehidupan mereka.
Namun, mereka tidak membiarkan keadaan melemahkan semangat mereka malah ia menjadi pendorong bagi berbakti kepada masyarakat.

Mereka merupakan pengasas bersama Air Amber, satu inisiatif sosial yang telah ditubuhkan pada 2008 bermisi meninggalkan impak positif ke atas masyarakat melalui pembangunan belia.

Encik Muhammad Shahril berkongsi yang dahulu beliau pernah mengalami kesusahan ketika berada di sekolah menengah.

Namun, beliau berjaya meraih tempat di Maktab Rendah Anglo Chinese dan menyertai kokurikulum (CCA) raga apabila beliau bertemu Encik Suraj.

Jurulatih raganya itu telah membantu beliau dan memberikan semangat kepadanya agar meneruskan pendidikannya di sekolah tersebut walaupun beliau melalui banyak rintangan.

"Hati saya teresentuh apabila seseorang seperti jurulatih saya yang tidak begitu rapat dengan saya ingin membantu saya dan beliau mempercayai akan kebolehan saya," katanya yang kini telahpun mendapat ijazah sarjana muda dalam bidang Sains Sosial dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU) pada 2014.

Pada 2008, ibu Encik Suraj meninggal dunia setelah sebulan mendapat tahu beliau menghidap penyakit leukemia. Selepas itu Encik Suraj berusaha mencari makna dalam kehidupannya dan beliau bercadang melawat kanak-kanak yang mempunyai penyakit HIV yang tinggal di kawasan pelacuran di Kolkata.

Pengalaman beliau di situ mendorongnya memulakan sesuatu yang boleh menjadi perlindungan bagi hak asasi manusia.

Air Amber telah melancarkan inisiatif baru, 'Bumbong Sunsets', di mana belia setempat dari sekolah menengah, maktab rendah, politeknik dan Institut Pendidikan Teknikal (ITE), universiti dan anggota perkhidmatan negara sepenuh masa (NSF) dari pelbagai latar belakang dapat menjalin persahabatan dengan pekerja asing di sini.

Pekerja asing yang terlibat dalam inisiatif ini pernah didera majikan mereka ketika berdagang atau pernah terlibat dalam kes penyeludupan manusia.

Kini mereka telah diselamatkan dan tinggal di rumah kebajikan Humantarian Organisation for Migration Economics (HOME).

Perkataan 'Bumbong' sebenarnya berasal daripada alamat tempat tinggal Encik Suraj iaitu Jalan Bumbong.

Encik Suraj yang mempunyai ijazah sarjana muda dalam bidang sosiologi berkata: "Kami menjemput mereka masuk ke dalam rumah kami agar mereka berasa lebih selesa."

Air Amber akan melancarkan satu buku baru bertajuk *The Invisible Visible*.

Encik Muhammad Shahril berkata: "Kami ingin pekerja asing ini tahu bahawa ada orang di sini yang mampu memberikan mereka kasih sayang."

"Selain itu, kami ingin membantu menegakkan kembali maruah mereka dan mengingatkan mereka akan harga diri mereka."

Di sesi 'Bumbong Sunsets' yang diadakan baru-baru ini, belia yang hadir berpeluang berinteraksi, menjamu selera dan bersuka ria bersama pekerja asing yang datang.

"Dengan usaha kami ini, dari peringkat sosial, kami berharap lebih ramai orang akan terbuka menerima pekerja asing yang datang ke Singapura," jelas Encik Shahril.



MEMARI DEMI MENABUR BAKTI: Pengasas bersama Air Amber, Encik Muhammad Shahril Hassan (barisan depan dua dari kiri) dan Encik Suraj Upadhiah (lima dari kiri), bersuka ria bersama pekerja asing dari rumah kebajikan HOME. Kedua berumur ini bermisi meninggalkan impak positif ke atas masyarakat dengan memberi perlindungan kepada hak asasi manusia. - Foto-foto M.O. SALLEH

Berkongsi cerita detik hitam didera majikan

SENYUMAN lebar dan tertawa yang didengari daripada tiga wanita, Cik Fe Angela Callueng, 26 tahun, Cik Moe Moe Than, 25 tahun, dan Cik Purwati, 45 tahun, melambangkan keberanian mereka setelah melalui detik hitam yang sukar dipadamkan daripada ingatan.

Tiga bekas pembantu rumah yang berhasrat mencari rezeki demi keluarga mereka di tanah air itu tidak dapat dilaksanakan setelah didera oleh bekas majikan mereka.

Mereka yang kini tinggal di rumah kebajikan HOME dan menyertai sesi 'Bumbong Sunsets' akan berkongsi cerita mereka di dalam buku yang akan dihasilkan oleh Air Amber.

Cik Fe yang berasal dari Filipina datang ke Singapura 10 bulan lalu. Bekas majikannya sering menggunakan kata-kata kasar terhadapnya dan bercakap kasar kepadanya.

"Mereka sering memekik ketika berkomunikasi bersama saya, tidak kira sama ada pada waktu pagi ketika baru bangun tidur atau pada waktu malam sebelum masuk tidur," katanya.

Ketika majikannya keluar rumah, mereka akan mengunci semua pintu untuk memastikan Cik Fe tidak dapat keluar rumah.

Pada suatu hari ketika Cik Fe mengikut

keluarga majikannya keluar makan, beliau bercadang melarikan diri.

Beliau masuk ke sebuah tandas, memakai topi dan cermin mata hitam supaya tidak dikenali majikannya, lalu melarikan diri.

"Saya berasa sangat takut pada saat itu dan saya tidak tahu apa yang harus saya lakukan atau apa akan terjadi kepada diri saya," katanya yang tidak mengenali sesiapa di sini.

Kini, beliau sudah tinggal di HOME selama lapan bulan dan berpuluh mengambil bahagian dalam sesi 'Bumbong Sunsets'.

"Sesi ini adalah satu inisiatif yang sangat baik dan saya sangat berterima kasih kepada Air Amber kerana banyak membantu kami," katanya.

Cik Moe pula berasal dari Myanmar dan telah bekerja di bawah majikannya di Yishun selama 10 bulan.

Beliau dibenarkan ke tandas hanya tiga kali sehari dan diberikan nasi putih dan air putih sahaja pada setiap waktu makan.

Jika beliau tidak mendengar kata majikannya, beliau akan disepak dan disuruh lompat berkali-kali di dalam rumah seperti seekor anamb.

"Pada waktu itu, saya berasa benci dengan Singapura tetapi saya tidak tahu mana saya harus pergi dan saya bercadang pulang ke Myanmar," katanya.

Setelah mendapat bantuan agensi beliau, Cik Fe telah diletakkan di HOME. "Air Amber telah mengubah pandangan saya tentang orang Singapura dan mereka

bukan semuanya jahat," katanya.

Beliau berharap dengan berkongsi ceritanya di dalam buku itu, ia dapat membantu pekerja asing lain.

Pembantu rumah ketiga, Cik Purwati, berasal dari Semarang, Indonesia. Berbeza daripada Cik Fe and Cik Moe, Cik Purwati sudah lama bertugas di Singapura.

Beliau telah datang ke sini pada tahun 1999 tetapi beliau sebelum ini tidak pernah menghadapi masalah seperti mana yang dilalui dengan majikannya yang terakhir di Lo-yang baru-baru ini.

"Saya ke sini mencari wang demi membiayai anak saya yang berumur 13 tahun," katanya.

Ketika Cik Purwati keluar rumah membawa dua anjing majikannya, kunci rumah majikannya terlepas daripada tangannya.

Apabila beliau memulakan majikannya, majikannya memukul belakang kepalanya berkali-kali dengan begitu kuat sehingga beliau mengalami kesakitan dan perlu menjalan rawatan.

Akhirnya, beliau berjaya mendapatkan bantuan polis dan kini sudah tinggal di HOME selama sebulan.



BERTERIMA KASIH KEPADA AIR AMBER: (Dari kiri) Cik Fe Angela Callueng, Cik Moe Moe Than dan Cik Purwati gembira hadir sesi Bumbong Sunsets. Mereka tidak sabar berkongsi cerita inspirasi mereka di dalam buku baru Air Amber.

Pelajar gembira sertai projek hasilkan buku



MEMALINKAN PERSAHABATAN: Encik Yuvaraj Suppliah (bertajuk putih) merupakan salah seorang belia terlibat dalam inisiatif 'Bumbong Sunsets'. Beliau akan menulis cerita inspirasi seorang pekerja asing untuk buku yang akan dihasilkan Air Amber akhir tahun ini.

SETELAH melalui detik kegelapan dalam kehidupannya, Encik Yuvaraj Suppliah, 18 tahun, memulakan lembaran baru dalam kehidupannya dan kini tekad berusaha menaburkan bakti kepada masyarakat.

Beliau, pelajar Institut Pendidikan Teknikal (ITE) Kolej West bidang perhubungan maklumat, merupakan salah satu belia yang telah melibatkan diri dalam projek penghasilan buku Air Amber itu.

Berkongsi tentang pengalaman yang dilaluinya, beliau berkata Encik Suraj Upadhiah, pengasas Air Amber, telah menyelamatkannya

dari genggaman kepahitan hidup.

Kini, Encik Yuvaraj, yang lebih dikenali sebagai Brezy di kalangan teman dan keluarganya, telah membangkitkan semangat dan berusaha memulakan lembaran baru dengan menyertai projek ini.

Sesi 'Bumbong Sunsets' membolehkan beliau mengenali pekerja asing yang hadir dengan lebih rapat.

"Pada mulanya apabila saya bertemu wanita ini di HOME, mereka kelihatan agak malu, segen dan mereka tidak mahu bercakap dengan saya," katanya.

Beliau akan dipasangkan dengan seorang pekerja asing dan menghasilkan satu cerita yang boleh dijadikan inspirasi kepada masyarakat.

"Dalam situasi di rumah Bumbong, wanita ini berasa lebih riaks, gembira dan tidak tertekan berinteraksi dengan kami."

"Setiap minggu juga kami dapat menanyakan mereka soalan yang lebih mendalam dan mereka sudi menjawabnya," katanya.

Penglibatannya dalam inisiatif ini merupakan pengalaman baru baginya dan beliau berasa sangat gembira dapat mengambil bahagian dalam projek ini.